

Bantahan TPPA diteruskan ke kedutaan Amerika
Malaysian Insider
Aug 23 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Gabungan membantah perjanjian Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) hari ini menyerahkan memorandum bantahan kepada pemerintah Amerika Syarikat berhubung perjanjian yang mereka rasakan berat sebelah dan mengancam kedaulatan negara.

"Ia adalah satu perjanjian mudarat yang akan memberi kesan kepada kedaulatan negara, memperjudikan kesejahteraan ekonomi, dan akan menyebabkan kesusahan dan penderitaan kepada rakyat negara ini," kata kumpulan berkenaan kepada pemberita.

Demonstrasi yang bermula sejurus selesai solat Jumaat di Bangunan Tabung Haji, kemudiannya berarak menuju kedutaan Amerika disertai hampir 100 peserta demonstrasi daripada Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), kumpulan Pro Mahasiswa, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan juga beberapa kumpulan badan bukan kerajaan lain.

Demonstrasi yang bermula sekitar jam 2.30 petang turut menyaksikan kumpulan berkenaan membawa plakad "Tolak TPPA", "Orang Muda Risau Tentang TPPA", sambil melaungkan "Merdeka" "TPPA agenda Amerika" berulang kali.

Pihak kedutaan kemudiannya menetapkan dua wakil daripada gabungan berkenaan untuk memasuki premis mereka bagi menyerahkan memorandum bantahan tersebut.

Setiausaha Kehormat Majlis Aids Malaysia, Hisham Hussein yang menjadi jurucakap kumpulan berkenaan, berkata pihaknya menyerahkan memorandum berkenaan kepada Pengurus Keselamatan Kedutaan Amerika, yang dikenali sebagai Mr Green.

"Pihak kedutaan mengatakan mereka gembira menerima memorandum kami, dan berjanji akan membawa perkara ini kepada pengetahuan bahagian ekonomi mereka serta menjemput kami untuk perbincangan lanjut," katanya.

Ditanya tarikh dan tempat untuk perbincangan berkenaan berlangsung, Hisham hanya berkata mereka akan menghubungi semula kedutaan bagi maklumat lanjut.

"Tiada masa yang ditetapkan buat masa ini. Namun kami diberikan salinan nombor telefon untuk tindakan lanjut," katanya.

Dalam memorandum itu, kumpulan itu turut menggesa 12 negara yang menyertai TPPA untuk menolak sebarang usaha ke arah Penjajahan Korporat terhadap warga Asia Pasifik dan berusaha untuk melindungi, mengekalkan dan mempromosi sistem perdagangan yang benar-benar bebas, adil dan selamat di antara negara terbabit.

"Kami menggunakan istilah Penjajahan Korporat untuk merujuk Regim TPPA, kandungannya dan proses perlaksanaannya kerana kepentingan gergasi korporat sangat jelas mempengaruhi peruntukan kontroversi di dalam perjanjian ini dan kerajaan pula ditekan dan dipaksa untuk menerimanya.

"Sekali lagi, gabungan Bantah TPPA menyeru kerajaan yang menyertai TPPA untuk menolak sebarang usaha menundukkan rakyat dan negara ini dengan perangkap ekonomi yang tersembunyi di balik tabir oleh syarikat transnasional Amerika," kata memorandum satu

muka surat yang diserahkan kepada kedutaan itu. – 23 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bantahan-tppa-diteruskan-ke-kedutaan-amerika>